



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 15 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MAFI TARGETS 950,000 TONNES OF AQUACULTURE OUTPUT BY 2030, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A3 FISHERMAN GROW MELONS, NEWS, SIN CHEW DAILY-4 MAFI SASAR 958,000 TAN METRIK PENGELUARAN SEKTOR AKUAKULTUR MENJELANG 2030, TECH SEMUT.COM, ONLINE SASAR PENGELUARAN AKUAKULTUR RM9.08 BILLION, HARIAN METRO, ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)*
5. 6.	ADA KAITAN DENGAN GUDANG KARTEL, MAHKAMAH DAN JENAYAH, SINAR HARIAN-22 300 KG AYAM BEKU DIRAMPAS, MAHKAMAH DAN JENAYAH, SINAR HARIAN-21	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7.	PETANI MUDA CETUS REVOLUSI BAHARU TANAMAN PADI DI KELANTAN, SINAR NEGERI TERENGGANU.KELANTAN & PERAK, SINAR HARIAN-25	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
8.	KEJORA TARIK BALIK PAJAKAN TANAH JIKA LANGGAR SYARAT, NEGARA, KOSMO-6	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (NAFAS)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23.	300 PETANI BIMBANG RUGI RM320,000 SAWAH KERING, NASIONAL, BERITA HARIAN-22 80 HEKTAR SAWAH KERING KETIKA PADI BUNTING, NEGERI KELANTAN. TERENGGANU, SINAR HARIAN-24 RAINY SEASON AFFECTS PINEAPPLE PRODUCTION IN JOHOR, EVENT, STARMETRO-5 THE CULTURE, FOOD AND SUSTAINABILITY CONNECTION, VIEWS, THE STAR-13 JUAL NENAS RM1 SEBUJI ELAK LAMBAKAN, NEGERI JOHOR, SINAR HARIAN-27 TANAH KUBUR JADI TEMPAT TANI, TERNAK, MUKA DEPAN, SINAR HARIAN-1 BERTANI, TERNAK DIPERKUBURAN, LAPORAN KHAS, SINAR HARIAN-2 SYOR TINDAKAN SEGERA PIHAK BERKUASA, LAPORAN KHAS, SINAR HARIAN-3 PUSAT KEBAJIKAN HARAP PERTIMBANGAN JAIS, LAPORAN KHAS, SINAR HARIAN-3 PADI JADI HAMPA, LOKAL, HARIAN METRO-18 4000 EKOR IKAN TILAPIA I-SINAR MATI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA-13 NAMAKAN RASUAH KARTEL DAGING, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA-8 USAHAWAN JAYAKAN PENANAMAN CILI FERTIGASI, KOMUNITI, KOSMO-32 KECEWA 3,800 IKAN I-SINAR MATI, NEGARA, KOSMO-17 HARIMAU MENGGANAS DI LUBUK PERIUK, NEGARA, KOSMO-3	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	MAFI targets 950,000 tonnes of aquaculture output by 2030		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	15 Feb 2021	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	413 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,195
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,585



盼2030年增产至95万公吨 鼓励私人界投资水产养殖

(哥打峇鲁 14 日讯) 农业及食品工业部设定目标，于 2030 年在水产养殖产量方面，达致 95 万 8000 公吨，或价值 90.8 亿令吉。

第二副部长拿督仄阿都拉说，为实现这一项目标，政府将打造亲商的环境，包括鼓励私人界的参与，确保水产养殖业的蓬勃发展。

他今天在甘榜遮鲁略巡视一项淡水鱼饲养计划后告诉记者，其他策略包括改善现有的养殖系统，并鼓励中小企业发展新的水产养殖项目。

仄阿都拉说，水产养殖业目前是国家粮食主要供应来源，同时是海洋水产业的辅助和平衡领域，从而改善国家经济。

“根据 2018 年统计，水产养殖业产量为 39 万 1465 公吨，价值 30.6 亿令吉；而 2019 年则为 41 万 1782 吨，价值 33 亿令吉。”

他说，水产产量和价值逐



仄阿都拉（左二）巡视淡水鱼养殖计划，表示该部将致力提高水产养殖业的产量。

年均有所增加，而吉兰丹方面，2019 年产量为 6449 公吨，价值则是 5700 万令吉，其中包括淡水鱼产、咸鱼和海

藻。

他说，在行动管控令 2.0 的实施期间，国内的粮食供应充足，价格也受到控制。

Headline	Fishermen grow melons		
MediaTitle	Sin Chew Daily (East Coast)		
Date	15 Feb 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	8,439
Page No	4	Readership	25,317
Language	Chinese	ArticleSize	169 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 512
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,536



季候風無法出海轉當農民 漁民種瓜種出一片天

（万捷14日讯）丹州万捷县沿海地区的上万农民，通过种植西瓜、水瓜和木薯，每年可获利3200万令吉。

西瓜营收占90%

农业及食物工业部副部长拿督仄阿都拉指出，西瓜种植占了以上营收的90%或者2900万令吉。西瓜种在1290公顷的土地上，一年2次收成。

他说，大部分西瓜农前身都是烟草

业者，或者在东北季候风无法出海的渔民。

他是来到该县甘榜甘迪斯的西瓜园时，这么表示。

至于水瓜则种在77公顷的土地上，收成后挣来200万令吉收益；木薯种在400公顷的土地上，营收有100万令吉。

他说，这些收成都销售到檳城和吉隆坡，以及国内知名的商场。



仄阿都拉（右）到万捷县的农场参观

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15.02.2021	TECH SEMUT.COM	ONLINE	

MAFI sasar 958,000 tan metrik pengeluaran sektor akuakultur menjelang 2030



KOTA BHARU, 14 Februari – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan 958,000 tan metrik pengeluaran sektor akuakultur menjelang 2030. Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, ia merangkumi pengeluaran sektor akuakultur marin, akuakultur air tawar dan rumpai laut.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, kerajaan menggunakan pendekatan 'pro-business environment' agar pembangunan sektor akuakultur dapat dipacu melalui penglibatan sektor swasta.

Strategi lain seperti meningkatkan produktiviti sistem ternakan sedia ada serta mengalakkan pembangunan projek akuakultur baru dalam skala kecil dan sederhana secara berkelompok.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Lawatan Kerja Ke Kolam Ternakan Ikan Air Tawar Di Kota Bharu.

Mengulas lanjut, beliau berkata bekalan makanan mencukupi bagi menampung keperluan rakyat walau dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pegerakan PKP 2.0.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15.02.2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Sasar pengeluaran akuakultur RM9.08 bilion



Kota Bharu: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menasaskan pengeluaran sektor akuakultur sebanyak 968,000 tan metrik menjelang 2030 dengan nilai RM9.08 bilion.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, bagi merealisasikan sasaran ini, kerajaan menggunakan pendekatan persekitaran mesra perniagaan agar pembangunan sektor akuakultur dapat dipacu termasuk penglibatan sektor swasta.

"Strategi lain termasuk meningkatkan sistem ternakan sedia ada dan menggalakkan pembangunan projek akuakultur baharu dalam skala kecil dan sederhana secara

berkelompok," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja ke kolam ternakan ikan air tawar di Kampung Jejuluk di sini, hari ini.

Che Abdullah berkata, sektor akuakultur kini menjadi penyumbang kepada sumber makanan negara di samping menjadi aktiviti pengimbang kepada sektor perikanan tangkapan di laut sekali gus membantu meningkatkan ekonomi negara.

"Berdasarkan kepada statistik pengeluaran pada 2018, pengeluaran sektor akuakultur adalah sebanyak 391,465 metrik tan bernilai RM3.06 bilion manakala bagi 2019 adalah 411,782 tan metrik bernilai RM3.30 bilion.

"Pengeluaran sektor ini mencatatkan peningkatan kuantiti dan nilai dari tahun ke tahun dan daripada jumlah tersebut, Kelantan menyumbangkan sebanyak 6,449 tan metrik pengeluaran pada 2019 dengan nilai RM57 juta yang merangkumi komoditi air tawar, ikan payau dan juga rumpai laut," katanya.

Beliau berkata sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0, bekalan makanan mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat dan harga bekalan adalah terkawal.

Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 14 Februari 2021 @ 3:45 PM

'Ada kaitan dengan gudang kartel'

Gudang daging di Puchong yang diserbu ada kaitan kartel daging di Senai

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM

Sebuah gudang produk sejuk beku yang diserbu di Puchong, Selangor pada 5 Februari lalu dipercayai mempunyai kaitan dengan gudang kartel daging di Senai, Johor.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati terdapat beberapa bukti yang mengaitkan kedua-dua gudang berkenaan.

Sumber itu turut menyebut gudang daging di Puchong itu mula beroperasi sejak tahun 2005 tetapi Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) masih menyiasat sama ada bekalan didapati dalam tempoh itu.

"Maqis juga tidak menolak kemungkinan masih ada terdapat gudang produk sejuk beku lain yang juga terlibat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Tambah sumber itu, serbuan di gudang Puchong turut merampas



Sebuah gudang produk sejuk beku di Puchong, Selangor yang diserbu pada 5 Februari lalu dipercayai mempunyai kaitan dengan gudang kartel daging di Senai, Johor.

produk daging sejuk beku dan organ dalaman haiwan dianggarkan bernilai RM1.7 juta.

Katanya, kesemua rampasan dibawa keluar dari gudang berkenaan dan dihantar ke tempat simpanan Maqis di Pelabuhan Klang untuk siasatan lanjut.

Pada 2 Disember, *Sinar Harian* melaporkan sepasukan pihak berkuasa menyerbu sebuah gudang daging sejuk beku di Senai dan merampas kira-kira 1,500 tan pelbagai jenis daging sejuk beku antaranya lembu,

KARTEL DAGING SEJUK BEKU

kerbau, itik, ayam selain organ dalaman seperti paru, perut serta ekor bernilai RM30 juta.

Kegiatan kartel berkenaan terbongkar menerusi serbuan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Maqis bersama beberapa agensi lain.

Susulan itu, pada 5 Februari Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama agensi menyerbu gudang produk sejuk beku di Puchong, Selangor.

300kg ayam beku dirampas

SEMPORNA - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) berjaya mematahkan dua kegiatan penyeludupan membabitkan 300 kilogram (kg) ayam sejuk beku dalam operasi sekitar pulau di daerah ini pada Ahad.

Rampasan dilakukan selepas mengesan satu kegiatan menyeludup keluar daging ayam sejuk beku tanpa permit di sekitar Pulau Bohey Dulang.

Pengarah Maritim Zon Semporna, Komander Maritim Norrimi Hassan berkata, pemeriksaan mendapati terdapat 20 kotak mengandungi daging ayam sejuk beku yang dianggarkan bernilai RM2,700 dipercayai cuba diseludup keluar ke negara jiran menggunakan bot enjin di kawasan berkenaan.

Bagaimanapun katanya, tiada sebarang tangkapan dilakukan dalam operasi itu.

"Hasil pemeriksaan, semua daging ayam tiada permit eksport yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis)," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Petani muda cetus revolusi baharu tanaman padi di Kelantan

PASIR PUTEH - Pembabitan golongan muda yang mengusahakan tanaman padi mencetuskan revolusi baharu dalam pertanian di negeri itu.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Datuk Kamarudin Md Nor berkata, revolusi yang dimaksudkan ialah penggunaan peralatan moden dalam meningkatkan hasil pengeluaran termasuk dron.

"Ada dalam kalangan petani muda ini sanggup mengeluarkan wang untuk membeli dron yang harganya mencecah puluhan ribu ringgit semata-

mata mahu meningkatkan lagi hasil pertanian.

"Itu tidak termasuk alatan moden yang lain. Kita sambut baik langkah ini dan secara tidak langsung menjadi salah satu bentuk revolusi baharu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan baka kambing di Jeram Mengaji di sini pada Ahad.

Hadir sama, Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris.

Kamarudin berkata, situasi itu juga memperlihatkan kesungguhan petani muda untuk berjaya dalam bidang pertanian.



Dari kanan: Nik Roslan dan Kamarudin menyampaikan bantuan baka kambing dari KADA kepada Nik Syazwan Najmi Sukeri, 21, di Jeram Mengaji, Pasir Puteh pada Ahad.

Kejora tarik balik pajakan tanah jika langgar syarat

PASIR GUDANG - Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Kejora) memandang serius isu melanggar syarat pajakan tanah dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil semula tanah miliknya yang dipajakan.

Pengerusi Kejora, Datuk Seri Che Zakaria Mohd. Salleh berkata, mengusahakan tanaman lain di atas tanah yang dipajakan antara salah satu pelanggaran syarat yang ditetapkan oleh Kejora.

Katanya, buat masa ini, pihak pengurusan Kejora sedang menyiasat dan mendapatkan senarai pihak yang melanggar syarat termasuk jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung Kejora akibat kesalahan terbabit.

"Sebagai contoh, pihak Pertubuhan Peladang Kawasan (Nafas) yang memajak tanah Kejora seluas 400 ekar (161 hektar) untuk tanaman koko tetapi ditanam dengan kelapa sawit. Ini kita akan tarik balik tanah dipajakan."

"Tindakan ini melanggar syarat yang dipersetujui dalam kontrak dan surat sudah pun dihantar kepada Nafas untuk mendapatkan penjelasan. Tanah pajakan ditarik balik jika langgar syarat, tidak kira siapa," katanya.

Bellau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permas berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan barangan keperluan asas kepada penduduk di pekarangan Surau Al Asyariah, Flat Balau, Taman Rinting di sini, kelmarin.

Program anjuran -Pertubuhan Kebajikan Anak Muda Ber-



Sebagai contoh, pihak Pertubuhan Peladang Kawasan (Nafas) yang memajak tanah Kejora seluas 400 ekar (161 hektar) untuk tanaman koko tetapi ditanam dengan kelapa sawit. Ini kita akan tarik balik tanah dipajakan."

satu (AMB), Kelab Permotoran Bersatu Johor dan Kelab Anak Perantau itu turut menyampaikan bantuan bekalan barangan keperluan asas dan cecair nyahkuman di Masjid Taman Molek.

Che Zakaria berkata, selepas ini pemajak perlu wajib mendapat kelulusan pihak Lembaga Pengarah Kejora dan perlu dilakukan mengikut prosedur.

Jelasnya yang mengambil alih jawatan Pengerusi Kejora pada Mei lalu, kelulusan tidak boleh diberikan sesuka hati seperti sebelum ini yang dilihat terdapat ketirisan.

300 petani bimbang rugi RM320,000 sawah kering

**Pesawah lima
kampung rayu
kerajaan bantu
selesai isu air**

Oleh Nor Amalina Alias
bhnews@bh.com.my

Bachok: Kira-kira 300 petani yang mengusahakan 80 hektar tanaman padi di lima kampung di Gunong, di sini berdepan kerugian RM320,000 apabila sawah mereka kering-kontang sejak bulan lalu.

la membabitkan kawasan sawah di Kampung Telaga Ara, Per-

matang Pasir, Kok Lintang, Surau Bator dan Gong Jelutong.

Petani, Mohd Faizal Mat Hussin, 40, berkata, sawah mereka bergantung kepada rumah pam air kira-kira tiga kilometer (km) jaraknya.

Bagaimanapun, katanya, rumah pam air itu tidak mampu menampung keperluan air tanaman padi yang kini mulai berisik.

"Kami mula menanam padi musim ini pada Disember lalu dan sepatutnya boleh menuai hasil buaian depan, tetapi sekarang sawah kering-kontang menyebabkan kualiti padi terjejas.

"Padi menjadi kering dan ruginan, malah sepatutnya kami boleh menanam tiga kali setahun, tetapi dengan keadaan ini, kami



Mohd Faizal dan penduduk menunjukkan padi yang kering akibat ketiadaan air dalam sawah di lima kampung di Gunong, Bachok
(Foto Amalina Alias/BH)

sukar menanam kerana modal semuanya dikeluarkan sendiri," katanya ketika ditemui di sawah Kok Lintang, di sini, semalam. Jika tuai menjadi, Mohd Faizal berkata, mereka mampu menghasilkan 2.5 tan padi sehektar.

Katanya, ketiadaan air menyebabkan kualiti biji padi merosot dan padi menjadi ringan serta ti-

tidak berisi atau menjadi hampa. Rakannya, Mohd Fikri Aswadi Mohd Noor, 37, berkata masalah sawah kontang itu berlarutan sejak 10 tahun dan petani sebelum ini bergantung kepada hujan pada musim tengkujuh bagi menanam padi.

Katanya, kebimbangan mereka ialah musim kemarau makin

menghampiri dan padi mungkin tidak dapat dituai jika air tidak dapat disalurkan.

"Kami merayu kerajaan atau pihak berkaitan membantu kami menyelesaikan isu air.

"Jika tidak, kami pasti menanggung rugi dan tidak dapat membuat pusingan modal untuk tanaman seterusnya," katanya.

15.02.2021

SINAR HARIAN

NEGERI KELANTAN.

24

TERENGGANU

80 hektar sawah kering ketika padi bunting

300 petani di lima kampung bimbang tanggung rugi RM320,000

Oleh ADILA SHAHNNI WAHID

BACHOK

Seorang petani, Mohd Faizal Mat Husain, 40, berkata, masalah yang bermula dua bulan lalu pada musim kemarau selain dua pan yang sepatutnya mengalirkan air ke sawah mengalami kerosakan rosak.

Menurutnya, benih disemai oleh petani pada musim tengkujuh antara November dan Disember tahun lalu.

"Ketika ini pokok padi pada peringkat membunting dan amat memerlukan air untuk menghasilkannya biji beras berkualiti.



MOHD FAIZAL



MOHD AZMAN



MOHD FIKRI ASWADI

"Keadaan kering menyebabkan kualiti merosot, biji lebih kecil dan kemepis sekali gus menjadi padi hampir sekiranya berterusan tanah kering selain mengundangi lebih banyak anan ditemui di bendang Kampung Kok Lintang di sini pada Ahad.

Hasil sermaian petani tahun ini dijangka berjumlah 500 tan metrik dan dapat dituai pada Mac ini.

Seorang lagi petani, Mohd Azman Meli, 56, berkata, dia yang 10 tahun menanam padi bergantung rezeki sepenuhnya melalui hasil tuaian bagi menyara kehidupan keluarga.

"Tahun lepas Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (LADA) sudahpun membantu kami memperbaiki pemerkanaan, namun setakat ini hanya satu yang berfungsi.

"Air yang dipam hanya sampai ke kawasan bendang yang

terletak berdekatan dengan tali air. Air tidak sampai ke bendang yang terletak di hujung-hujung kampung," katanya.

Seorang lagi petani, Mohd Fikri Aswadi Mohd Nor, 37, mengharapkan pihak berwajib segera membantu mereka bagi menggalakkan lebih banyak kerugian.

"Masalah kekurangan air di bendang yang dihadapi oleh petani di kampung ini bersilih ganti sejak enam tahun lalu.

"Ada yang berhenti tanam padi dan mencari pekerjaan lain untuk sara hidup.

"Padi sepatutnya boleh dinam tiga kali setahun tetapi akibat tidak cukup air hanya sekali atau dua kali setahun," katanya.

Sementara itu, usaha Sinar Harian untuk mendapat maklum balas pihak IADA belum diperolehi berikutan cuti umum Tahun Baharu Cina.



Padi kering akibat cuaca panas membahayakan 80 hektar tanah bendang.



Mohd Faizal menunjukkan keadaan tanah bendang yang terkekah kerana tiada air yang menyebabkan hasil padi terjejas.



Tanaman padi yang membunting mulai kering menyebabkan petani baki kerugian sebanyak RM320,000.

By YEE XIANG YUN
metro@thestar.com.my

THE rainy weather last month has affected the yield of pineapples, causing production in Johor to drop by at least 20% this year.

Federation of Malaysian Vegetable Farmers Association president Lim Ser Kwee said excess rainfall also caused the pineapples' appearance to miss the mark.

"As a result, the harvest cannot be sold in the market.

"However, the reduction in output this year has not led to any price increase because of the overall market slowdown due to the Covid-19 pandemic.

"The price of pineapple is still similar to last year at about RM8 to RM10 each," he said in an interview in Johor Baru.

Lim, who is also a pineapple farmer in Simpang Renggam, one of the largest pineapple producers in the country, said besides supplying the local market, the fruits were also sent to Singapore, where there were no big changes in the orders compared to last year.

Another pineapple farmer in Simpang Renggam, Tan Eng Tong, said the prolonged rainy weather caused his fruit production to drop by about 50% compared to last year.

"My farm used to produce more grade A pineapples, which weigh about 3kg each, but this year, my harvest consisted mostly of smaller-sized grade B and C fruits," he said.

Tan said he also faced a 30% drop in local orders because of the movement control order, while the demand from across the border was still strong.

Rainy season affects pineapple production in Johor



Workers harvesting pineapples at a farm in Simpang Renggam, which is one of the largest producers of the fruit in the country.

(Below) Ripe pineapples are tied with red ribbons, ready to be harvested for the Chinese New Year market.

"Previously, my customers mostly said they wanted to wait for the government's decision on the MCO before placing orders for the fruits," he said.

Although the MCO was in place until Feb 18, the Chinese community would still celebrate the Year of the Ox, albeit on a smaller scale this year, he added.

Pineapples are considered a must-have for Chinese New Year as the fruit signified prosperity.

Many in the community also used the fruits, especially those with larger crowns, as prayer offerings during the festive celebration.



The culture, food and sustainability connection

THE Covid-19 pandemic has proved humanity's vulnerability and underlined the importance of sustainability.

Estimates suggest that by the end of 2050, the global population will be nine billion. To feed everyone, the world needs to produce 50% more food than we currently do. The intensification of farming is seen as the solution to producing more food.

In a recent webinar titled *Connecting Culture, Food and the Environment for Global Sustainability*, speaker Dr Shonil Bhagwat, a professor of Environment and Development from the Open University, Britain, emphasised the need to connect culture, food and the environment for global sustainability.

The speaker suggested that although the progressive intensification of farming has dramatically increased food production over the last 50 years, it has harmed the environment and has not solved the problem of hunger and malnutrition in the world – over two billion people worldwide are currently food insecure, one billion of them in Asia alone.

According to Prof Bhagwat, the global community has not been able to achieve food security because of a three-way disconnect between culture, food, and the environment: A disconnect between culture and food because food's commercial mass production has severed it from farming and agriculture's cultural traditions, a disconnect between food and the environment because we have ignored the



Photo: Filepic/AFP

environmental harm caused by the intensification of agriculture, and a disconnect between the environment and culture because we have favoured technological solutions to "fix" food insecurity rather than approaching it in a culturally-sensitive manner.

The speaker highlighted that

industrial agriculture claims vast landscapes and uses advanced technology to increase food production, primarily of cereal grains.

On the other hand, 80% of the world's farmers are smallholders, who make more efficient use of land to produce a wider variety

of nutritious food.

Our food supply chain is dominated only by a dozen or so plant and animal species. However, hundreds of thousands of species are suitable for human consumption, and this is something that we need to consider if we want to achieve food security and agricultural sustainability.

Many people believe that genetically modified organisms are essential for "fixing" the problem of providing nutritious food.

However, the vast numbers of local cultivars of crops and breeds of animals – known as "agrobiodiversity" – should not be ignored, because agrobiodiversity is essential to protect genetic variation, a product of selection and breeding for thousands of years, explained Prof Bhagwat.

In a nutshell, connecting culture, food and the environment are essential to achieve global food security and sustainable development.

Food is an integral part of our society. If we get its production right then we can make progress towards global food security and sustainability.

**DR SUBHASH
JANARDHAN BHORE**
AIMST (Asian Institute of
Medicine, Science and
Technology) University
Malaysia

*Note: The writer is a senior
associate professor of
Biotechnology at the
Faculty of Applied Sciences,
AIMST University.*

Jual nanas RM1 sebiji elak lambakan

5,000 nanas busuk kerana lewat dipetik sejak seminggu lalu

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Pekebun nanas di sini terpaksa menjual hasil tanaman mereka dengan harga RM1 sebiji bagi mengelakkan kerugian dan lambakan ekoran permintaan berkurangan.

Pekebun nanas, Ismail Basiran, 57, berkata, dia berdepan kerugian selepas 5,000 nanas jenis morris dan josapine busuk kerana lewat dipetik sejak seminggu lalu.

Menurutnya, bagi mengelakkan kerugian lebih besar, dia perlu memasarkan 20,000 buah nanas yang sudah matang untuk dipetik dapat dijual.

“Peraih dari Sempang Renggam beritahu tidak borong nanas dalam kuantiti yang banyak kerana tiada majlis perkahwinan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 ketika ini.

“Nanas morris dan josapine ini banyak digunakan dalam masakan. Tetapi sewaktu PKP 2.0 majlis keramaian seperti majlis perkahwinan tidak boleh dilaksanakan dan mengganggu rantaian pemasaran nanas,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Ahad.

Ismail dari Kampung Parit Haji Ali Darat, Parit Raja menanam kira-kira 200,000 buah nanas di atas tanah seluas lapan hektar sejak enam tahun lalu.

Ismail berkata, dia turut membuat promosi menerusi Facebook dan hasilnya amat baik apabila mendapat sambutan daripada orang ramai.

Sementara itu, pekebun nanas dari Kampung Parit Betak Pontian, Mohd Mazlan

Khairul, 56, turut mengambil pendekatan sama dengan menjual nanas RM1 sebiji.

Menurutnya, dia menanam kira-kira 13,000 biji nanas morris dan josapine di atas tanah seluas kira-kira tiga hektar.

“Saya membuat promosi jualan nanas di Facebook sejak tiga hari lalu dengan menawarkan harga RM1 sebiji berbanding harga sebelum ini RM1.50,” katanya.

Bapa tiga anak itu mengakui PKP kali ini cukup mencabar untuk memasarkan hasil tanamannya selepas lebih 10 tahun mengusahakannya.

“Walaupun tidak untung tetapi sekurang-kurangnya nanas tidak berlambak dan busuk. Ramai yang menghubungi saya untuk membeli buah nanas segar dari ladang.

Kisah dua pekebun itu yang menjual nanas dengan harga murah tular di media sosial sejak Jumaat.



Mohd Mazlan menunjukkan nanas yang telah dipetik di ladangnya di Kampung Parit Betak.



Chie Roslan dan pegawai lain Pejabat Perkhidmatan Islam Sungai Sekamat, Kelang, yang ditugaskan memeriksa lokasi pemukiman tempam berhampiran.

Syor tindakan segera pihak berkuasa

BADAN Bertindak Memperhatikan Pengkecakan Tanah Perkhidmatan Sungai Sekamat telah mengambil langkah proaktif menyidik satu laporan pengkop kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), selain berunding dengan pihak berkuasa yang lain.

Menurut Pengarahnya, Datuk Chie Roslan Che Daud, beliau berkata bagi Islam Sungai Sekamat diperlukan sebuah masjid sebagai pusat komuniti masyarakat setempat.

"Ukhas ini menunjukkan lokasi yang dikehendaki untuk pembinaan masjid di kawasan 600 meter persegi di Kampung (MPKK) Sungai Sekamat, MPKK Bukit Dukang, Rancangan Penduduk Tanihan Sekamat, Masjid Karah Sungai Sekamat, surau, surau karah dan penduduk setempat."

"Sokongannya itu menunjukkan (satu) dekad dari mereka, khususnya Karah Sungai Sekamat dan ia perlu diselesaikan segera bagi masalah penduduk setempat," ujar beliau.

Malah, sebanyak 838 landatangan penduduk setempat berjanji dikum-

putikan walaupun ketika ini mereka berhadapan sedikit kekangan disebalik pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sehubungan itu, badan bertindak itu mengesyorkan JAIS mengambil tindakan susulan untuk berunding dengan pihak berkuasa negeri bagi menawarkan tapak tanah perkuburan itu di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara 1965 (Act 164/1965) dan melantik JAIS sebagai pegawai pengawas serta mengurus tabir jenazah di Masjid Sungai Sekamat.

Di samping itu, JAIS disyorkan memberi perhatian kepada swastika kuasa Masjid Karah Sungai Sekamat perniagaan seropakan tanah, yang diiktirafkan oleh pihak berkuasa.

Che Roslan berkata lagi, JAIS perlu mengemukakan nota di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 kepada pusat kebajikan berkecayaan supaya membolehkan aktiviti pemecobaan.



Lokasi pemukiman di Tanah Perkhidmatan Islam Sungai Sekamat, Kelang.



Mohd Azmi memaparkan surat maklum balas JAIS berhubung isu pemukiman tempam berhampiran.

Pusat kebajikan harap pertimbangan JAIS

"Apabila jawatankuasa masjid menugaskan saya agak tinggi, kami memang tak mampu dan cuba bangkitkan semula tentang permohonan tanah itu kepada JAIS.

"JAIS kemudian mengeluarkan surat kepada kami agar tidak lagi meneruskan pembayaran sewi berkenaan kepada jawatankuasa masjid buat masa ini," katanya.

Mohd Azmi berkata, aktiviti pertanian dan pemertanian di atas tanah kosong berkenaan bertujuan membolehkan penghuni di pusat jagaan itu menjalani tempai kesihatan pada setiap hari.

"Sejak PKP (Perintah Kawalan Pergerakan), kami dah mula kurang terima bantuan dan hasil tanaman inilah digunakan sebagai sumber makanan penghuni di sini," katanya.

Beliau bagaimanapun reda dengan segala kepunasan yang akan dibuat selepas ini, namun mengharapkan pertimbangan dan ihsan daripada JAIS berhubung permohonan berkenaan.



KAJANG - Pusat Jagaan Al-Firah Malaysia mengharapkan pertimbangan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi memberi kebenaran untuk pihaknya meneruskan aktiviti tanaman dan ternakan di atas Tanah Perkhidmatan Islam Sungai Sekamat di sini.

Pengerusinya, Mohd Azmi Md Zain berkata, sebelum ini pihaknya telah beberapa kali membuat permohonan kepada JAIS berhubung perkara itu, namun tidak mendapat maklum balas yang membarangsangkan.

Beliau berkata, menerusi mesyuarat pada Julai tahun lalu, JAIS memberi kebenaran kepada pengurusan pusat kebajikan berkenaan beroperasi untuk tempoh tiga tahun, lagi dengan guna tanah maksimum sebanyak 0.4 hektar.

"Bagaimanapun, pihak kami telah membuat permohonan semula dengan meminta kelulusan kepada pihak terbit agar diberi kebenaran membina bangunan kekal untuk penghuni rumah kebajikan ini.

"Namun, sehingga kini, masih belum ada jawapan daripada JAIS berhubung permohonan itu. Kami amat berharap ia diberi pertimbangan sewajarnya," katanya kepada *Sinar Harian* pada Sabtu.

Mengulas mengenai status tapak berkenaan, Mohd Azmi berkata, buat masa ini tapak itu belum diwariskan, namun ia diproses sebagai kegunaan tanah kubur.

Jelas Mohd Azmi, sejak beroperasi di tapak itu, pihak pengurusan pusat kebajikan berkenaan dibeheudaki membayar sewa tapak kepada Jawatankuasa Masjid Sungai Sekamat pada setiap bulan.

"Sewa tapak ini adalah RM900 pada tahun 2012, namun ia kemudian dinaikkan kepada RM1,500 dan sehingga hari ini, pada tahun lalu, pihak terbit membayar lagi jumlah itu sehingga RM3,000.

TANAH KUBUR JADI TEMPAT TANI, TERNAK

- Penduduk di Kelang, Selangor bimbang Tanah Perkuburan Islam Sungai Sekamat seluas empat hektar kini seolah-olah menjadi tapak projek pertanian dan berternakan yang semakin membesar sejak lapan tahun lalu.
- Pengerusi Badan Bertindak Mempertahankan Pengkalan Tanah Perkuburan Islam Sungai Sekamat, Datuk Che Roslan Che Daud berkata, projek itu melibatkan kawasan seluas kira-kira 1.38 hektar.
- Ia dijadikan tempat untuk memetak kambing dan ikan, menanam pokok buah-buahan selain membina bangunan kekal oleh sebuah pusat jagaan orang tua.
- Bagaimanapun, Pengerusi Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia membertahu pinaknya sedang memohon kebenaran untuk meneruskan operasi di atas tanah kosong tersebut selain membayar sewa bulanan RM5,000 kepada Jawatankuasa Masjid Sungai Sekamat.

Keadaan ini menyebabkan penduduk khususnya karion Sungai Sekamat bakal menghadapi risiko kekurangan untuk mencari tapak perkuburan baharu pada masa akan datang. - Karo Datuk Che Roslan Che Daud

MUKA 2 & 3



15.02.2021

SINAR HARIAN

LAPORAN KHAS

2

Bertani, ternak di perkuburan

Penduduk di Sungai Sekamat, Kajang mendakwa ia diceroboh sejak beberapa tahun lalu dan masih berlarutan hingga kini

KAJANG

Tanah perkuburan Islam di Sungai Sekamat di sini didakwa dijadikan tempat projek penernakan dan pertanian.

Tanah perkuburan yang biasanya sunyi sepi itu dibarakan diteroka oleh sebuah pusat jaganan orang tua sejak beberapa tahun lalu yang berlarutan hingga kini. Perkara itu didedahkan Badan Bertindak Mempertahankan Pengekalan Tanah Perkuburan Sungai Sekamat yang mewakili lebih 15,000 penduduk sekitar kariah Sungai Sekamat dekat sini.

Pengerusanya, Datuk Che Roslan Che Daud berkata, pihak terbabit dipercayai meneroka kira-kira 1.38 hektar daripada empat hektar tanah perkuburan di situ. Menurut beliau, peibagai bentuk ak-



Che Roslan (dua dari kiri) memarahkan aktiviti penernakan di kawasan Tanah Perkuburan Islam Sungai Sekamat, Kajang pada Sabtu.

tiviti dilakukan antaranya penternakan kambing, kolam ikan keci, penanaman pokok buah dan pembinaan beberapa struktur bangunan kekal.

"Badan bertindak ini mula melakukan tindakan pada 4 Jun tahun lalu selepas menerima aduan penduduk dan berpandangan isu pencero-bohan tanah di kawasan ternakan perkuburan perlu diselesaikan segera.

"Ia berdasarkan maklumat (Pejabat Tanah) bahawa tapak Tanah Perkuburan Islam Sungai Sekamat masih berstatus tanah kerajaan negeri dan tiada Pelan Akui (PA) dan Pelan Wara Ratah.

"Tanah perkuburan ini asalnya milik individu sebelum pengambilalihan dibuat di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 oleh kerajaan Selangor pada tahun 1967" bagi tujuan tapak per-



Trilaman oleh Badan Bertindak Mempertahankan Pengekalan Tanah Perkuburan Sungai Sekamat ke tapak kubur pada Sabtu.

Tanah Perkuburan Islam Sungai Sekamat, Kajang

- Tanah Perkuburan Islam Sungai Sekamat, Kajang asalnya merupakan tanah milik perseorangan yang diambil oleh kerajaan yang diambil oleh kerajaan negeri Selangor di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dan diisytiharkan pada 14 Disember 1967, melalui warta 684, sebagai tapak tanah untuk perkuburan. Berdasarkan maklumat bekas kakitang kemakan, anggaran purata pengembalian di Tanah Perkuburan Sungai Sekamat ialah sebanyak 180 lang kubur setahun.

Cadangan untuk mempertahankan Tanah Perkuburan Islam Sungai Sekamat

- Status Tanah Perkuburan Islam Sungai Sekamat ditetapkan semasa hasrat asal Jabatan Agama Islam Selangor (JAS) berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri bagi mewujudkan tapak tanah perkuburan tur di kawasan 162 hektar Tanah Negara 1960 (JAS) dan pengembalian tanah kepada JAS. JAS membina Masjid Sungai Sekamat.
- JAS memberi kebenaran kepada Jawatankuasa Masjid Tanah Sungai Sekamat untuk memagar sempadan tanah yang diceroboh kepada Jawatankuasa Masjid Sungai Sekamat bagi memulakan pelaksanaan penyewaan dengan pihak berkenaan.
- JAS melalui Pejabat Daerah dan Tanah mengeluarkan nota di bawah Seksyen 425 Karun Tanah Negara 1965 kepada pihak berkenaan supaya menghentikan aktiviti.

kuburan," katanya kepada *Sinar Harian*. Che Roslan berkata, sekiranya aktiviti terbabit tidak dibalangi, ia akan menyebabkan penyusutan ketahanan tapak kubur sedia ada sekali gus menimbulkan kesakitan kepada penduduk kelak.

Katanya, anggaran semasa jumlah penduduk ialah 15,680 orang membabitkan Kampung Sungai Sekamat (4,000), Sungai Balak (700), Bukit Dukung (1,450), Batu 13 (560), Taman Sekamat dan Pinggiran Sekamat (1,350).

Katanya lagi, anggaran ini termasuk penduduk di Taman Koperasi Ceterpac membabitkan 1,600 orang, Taman Kasih dan Bayu Sekamat (920), Taman Delima (1,500), Taman Mesra (920) serta Taman Impian Makmur (2,680).

"Keadaan ini menyebabkan penduduk khususnya kariah Sungai Sekamat bakal menghadapi risiko kesukaran untuk mencari tapak perkuburan baharu pada masa yang akan datang," katanya.



MOHD Faizal (dri) bersama petani lain menunjukkan sebahagian pokok padi yang kering ekoran kekurangan bekalan air ke sawah padi susulan musim kemarau di Kampung Kok Lintang, Gumong, semalam.



MOHD Fikri menunjukkan tanah sawah yang merekah akibat ketiadaan air. Gambar kanan, isi padi yang sedang membunting namun terbantu akibat kekekangan air.

Padi jadi 'hampa'

300 petani rugi RM320,000 sawah jadi kering-kontang

Oleh Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my

Bachok

Kira-kira 300 petani mengusahakan 80 hektar padi di lima kampung di Gumong, dekat sini, berdepan kerugian RM320,000 apabila sawah mereka kering-kontang sejak bulan lalu.

Ia membabitkan sawah padi di Kampung Telaga Ara, Permatang Pasir, Kok Lintang, Surau Bator dan Gong Jelutong.

Petani, Mohd Faizal Mat Hussin, 40, berkata, sawah mereka bergantung kepada

rumah pam air ditempatkan tiga kilometer dari sawah.

Bagaimanapun, katanya, rumah pam air itu tidak mampu menampung keperluan air sawah padi di situ yang kini dalam peringkat bunting.

"Kami mula menanam padi musim ini pada Disember lalu dan sepatutnya boleh ambil hasil pada Mac nanti, tetapi sekarang sawah kering-kontang menyebabkan kualiti padi terjejas apabila menjadi kering dan ringan.

"Sepatutnya kami boleh menanam tiga kali setahun, namun dengan keadaan ini, kami sukar membuat padi

kerana modal semuanya hasil poket sendiri," katanya di sawah Kok Lintang di sini, semalam.

Mohd Faizal berkata, sepatutnya jika padi menjadi, mereka mampu menghasilkan 2.5 metrik tan padi bagi satu hektar tanaman padi.

Katanya, ketiadaan air menyebabkan kualiti padi merosot dan menyebabkan padi menjadi ringan dan bertukar menjadi 'hampa' (tiada isi).

Rakannya, Mohd Fikri Aswadi Mohd Noor, 37, berkata, masalah sawah kering-kontang berlarutan sejak 10 tahun dan petani sebelum ini bergantung pada

air hujan pada musim tengkujuh bagi menanam padi.

Bagaimanapun, katanya, mereka kini gusar memandangkan musim kemarau semakin menghampiri dan jika air tidak dapat disalurkan, padi mereka mungkin tidak dapat dituai keseluruhannya.

"Kami merayu kerajaan atau pihak yang berkaitan, membantu petani di sini menyelesaikan isu air ini kerana jika tidak kami bukan sahaja kerugian hasil, malah tidak dapat membuat pusingan modal untuk tanaman padi seterusnya kerana ini sahaja punca pendapatan kami," katanya.



MOHD. Fazrul Mohd. Saad (kanan) dan Muhazam Mohamad melihat sebahagian daripada kira-kira 4,000 ikan tilapia dternak mereka yang mati di Kampung Pondol, Tampin, Negeri Sembilan semalam.
- UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

4,000 ekor ikan tilapia i-Sinar mati

Oleh **NOR AINNA HAMZAH**
utusannews@mediamula.com.my

TAMPIN: Tiga sahabat yang mengusahakan ternakan ikan tilapia berputih mata apabila 4,000 ekor ikan tersebut yang dternak di dalam kolam mati dipercayai berpunca daripada pencemaran sungai yang menjadi sumber air kolam tersebut.

Salah seorang daripada mereka, **Mohd. Fazrul Mohd. Saad**, 47, berkata, hasil pertama ternakan ikan tilapia mereka boleh diraih kurang daripada 10 hari lagi namun ternakan mereka itu mati sedikit demi sedikit sejak awal minggu lalu.

Lebih menyedihkan, dia dan salah seorang lagi sahabatnya telah menggunakan wang program i-Sinar yang diperolehi sebagai modal untuk mengusahakan ternakan ikan tilapia berkenaan.

Menurut **Mohd. Fazrul**, mereka mula memasukkan anak benih ikan ke dalam kolam pada bulan Disember secara berperingkat-peringkat mengikut

modal yang mereka ada.

“Secara keseluruhannya kami sudahpun memasukkan sebanyak 4,800 anak benih ikan ke dalam kolam ini dan dijangkakan boleh membuahkan hasil sekurang-kurangnya sebanyak 2.5 tan bersamaan dengan RM25,000.

“Bagaimanapun, ikan ternakan kami mulai mati sedikit demi sedikit dipercayai akibat pencemaran air sungai berdekatan yang digunakan sebagai sumber air kolam ini,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Pondol, Tampin, semalam.

Tambahnya, mereka bertiga telah mengeluarkan banyak modal bagi mengusahakan kembali tanah milik penduduk kampung yang terbiar sebagai usaha mereka mencari rezeki ketika ini.

Dia yang juga jurugambar majlis konvokesyen, selain menyelenggara kembali kolam sedia ada, modal banyak dikeluarkan mereka bagi membeli makanan ikan seperti palet dan azola, selain makanan tamba-

han bagi mempercepatkan lagi pembesaran ikan berkenaan.

“Secara keseluruhannya hampir RM8,000 juga modal yang digunakan bagi ternakan ikan ini, namun menyedihkan hasilnya hampir kesemua ikan mati.

“Walaupun hampa, kami tidak berputus asa namun kami harap agar pihak berkuasa dapat menyasiat punca ikan kami ini mati dan juga mengambil langkah sepatutnya jika benar ia berpunca daripada pencemaran air sungai,” katanya.

Seorang lagi rakannya, **Muhazam Mohamad**, 48, berkata, dia juga berharap agar ada jalan penyelesaian diambil pihak berwajib bagi memastikan kejadian tersebut tidak berulang kembali.

“Buat masa ini, kerja-kerja membersihkan kolam sedang dilakukan dengan keseluruhan air kolam perlu dikeluarkan terlebih dahulu.

“Pihak Jabatan Perikanan juga telah hadir bagi mengambil sampel air kolam dan menjalankan siasatan,” katanya.

Namakan perasuah kartel daging

PUTRAJAYA: Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Datuk Seri Salahuddin Ayub diminta menamakan secara terbuka pihak yang didakwa membuat tawaran rasuah kepadanya berhubung isu kartel daging.

Pensyarah Kanan Kolej Undang-Undang Pengajian Kerajaan dan Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Kamarul Zaman Yusoff berkata, tindakan itu perlu dilakukan jika bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani itu benar-benar memandangkan serius isu rasuah tersebut yang dikatakan melibatkan sekurang-kurangnya empat daripada tujuh loji penyembelihan di India yang mengeksport daging beku ke Malaysia.

Katanya, Salahuddin juga diminta menjelaskan mengapa isu ini hanya dideklarkan pada 9 Februari lalu setelah tidak lagi menjadi Menteri sedangkan beliau sendiri menyebut tawaran rasuah itu dibuat pada tahun 2018 lagi iaitu setelah beberapa bulan dilantik sebagai menteri.

"Tidaklah jika Salahuddin terus melaporkan tawaran rasuah kepadanya oleh kartel daging kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masalah monopoli loji penyembelihan di India yang mengeksport daging beku ke Malaysia oleh syarikat tersebut akan dapat diselesaikan dengan mudah dan tindakan sewajarnya boleh terus diambil terhadap syarikat," katanya semalam.

Kamarul Zaman turut mempersoalkan mengapa baru sekarang Salahuddin menggesa kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) sedangkan beliau menyedari masalah monopoli loji penyembelihan itu.

Katanya, beliau malah membayangkan sesuatu tidak kena berlaku apabila beliau tertanya-tanya siapa yang 'menjaga' pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Kesihatan yang membuat lawatan ke loji penyembelihan di luar negara.



RAZMAN (kanan) dan **Yahanis** (kiri) semasa meninjau penanaman cili fertigasi di Pusat Tanaman Cili Fertigasi Sungai Galah, Batu Gajah baru-baru ini.

Usahawan jayakan penanaman cili fertigasi

LAWATAN. Satu sesi lawatan kerja dilakukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri Perak, Razman Zakaria bagi meninjau penanaman cili fertigasi di Pusat Tanaman Cili Fertigasi Sungai Galah, Batu Gajah baru-baru ini.

Kawasan ladang seluas kira-kira 4.8 hektar itu diusahakan oleh Khadijah Bodin yang juga merupakan usahawan tani di bawah bimbingan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP).

Razman turut diberi penerangan tentang penanaman cili tersebut oleh Ketua Pegawai

Eksekutif PPPNP, Yahanis Yahya sebelum dibawa meninjau persekitaran ladang.

Selain itu, Razman turut menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan kursus Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan kepada beberapa peserta anjuran PPPNP.

Tiga sekawan berputih mata tidak dapat rasa hasil tilapia pertama

Kecewa 3,800 ikan 'i-Sinar' mati

NOR AINNA HAMZAH

TAMPIN - Malang menimpa tiga sekawan Kampung Pondoi, di sini apabila wang i-Sinar berjumlah RM8,000 yang mereka laburkan untuk membeli ikan tilapia lebur selepas hidupan air tawar itu mati disyaki akibat penggunaan air sungai yang tercemar.

Mohd. Fazrul Mohd. Saad, 47, berkata, kejadian itu berlaku ketika mereka hendak memuai hasil pertama yang berbaki lagi 10 hari. Katanya, setakat semalam, sebanyak 3,800 ekor ikan mati sedikit demi sedikit sejak Isnin lalu.

"Dua daripada kami menggunakan duit i-Sinar sebagai modal untuk membuat kolam dan membeli 4,800 benih ikan. Kami antara pekerja swasta yang terjejas akibat Covid-19.

"Benih ikan dimasukkan pada Disember tahun lalu secara berperingkat mengikut modal. Lagi 10 hari, ia dijangka membuahkan hasil sekurang-kurangnya 2.5 tan atau bernilai RM25,000," katanya ketika ditemui.

Bagaimanapun, tambahnya,



MUHAZAM (kiri) dan Fazrul (kanan) melihat sebahagian daripada 3,800 ikan tilapia yang mati di Kampung Pondoi, Tampin semalam.

ikan itu mulai mati sedikit demi sedikit dipercayai akibat pencemaran sungai berdekatan yang

mereka gunakan sebagai sumber air untuk kolam ternakan. Menurut jurugambar majlis

perkahwinan itu, mereka telah banyak mengeluarkan modal bagi mengusahakan tanah milik

penduduk kampung yang terbiar sebagai usaha mencari rezeki semasa Covid-19.

"Selain selenggara kolam, modal banyak digunakan bagi membeli makanan ikan seperti palet dan azola serta makanan tambahan bagi mempercepatkan pembesaran ikan," katanya.

"Ujar Mohd. Fazrul, walaupun telah rugi RM8,000, mereka tidak akan berputus asa dan meminta pihak berkuasa menyiasat punca sebenar kematian ikan itu supaya mereka dapat mengambil tindakan pencegahan.

Seorang lagi pengusaha, Mu-hazam Mohamad, 48, berkata, dia terkejut dengan kejadian itu, namun berharap ada jalan penyelesaian agar kejadian sama tidak berulang.

"Buat masa ini, kerja-kerja membersihkan kolam sedang dilakukan dengan keseluruhan air kolam perlu dikeluarkan terlebih dahulu," kata guru itu.

Tambahnya, kakitangan Jabatan Perikanan telah mengambol sampel air kolam bagi mengetahui punca sebenar kejadian.

Harimau mengganas di Lubuk Periuk

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

HULU TERENGGANU - Lima penternak lembu di Kampung Lubuk Periuk dekat sini dalam ketakutan selepas kandang ternakan mereka diserang seekor harimau belang sejak Khamis lalu.

Setakat ini, dua ekor lembu telah dibaham haiwan liar berkenaan termasuk pada awal pagi kelmarin melibatkan kerugian lebih RM3,500.

Harimau jantan dewasa sama dipercayai berasal dari Hutan Simpan Dungun berhampiran juga dipercayai pernah membaham empat ekor lembu penternak sepanjang tahun lalu.

Seorang penternak, Sumani Mohamad, 59, berkata, dia menyedari seekor daripada lebih 80 ekor haiwan peliharaannya dibaham harimau itu sewaktu menjenguk kandang lembunya pada pukul 7 pagi, Khamis lalu.

"Saya perasan ada anak lembu tak cukup, saya percaya anak lembu tersebut sudah dibaham harimau selepas terjumpa tapak kaki haiwan liar itu yang masih baru kira-kira 50 meter dari kandang tidak lama kemudian," katanya ketika ditemui di kandang lembunya yang terletak berhampiran sebuah kebun kelapa sawit di Kampung Lubuk Periuk dekat sini semalam.



KESAN tapak sawit keld harimau yang dipercayai membaham lembu di ladang kelapa sawit Kampung Lubuk Periuk, Hulu Terengganu Khamis lalu.



SUMANI (kiri) dan rakat perternaknya, Ahmad Ngah menunjukkan kepala lembu yang dibaham harimau di Kampung Lubuk Periuk, Khamis lalu.

tinggal kepala, perut dan sebahagian kaki dimaklumkan seorang buruh ladang warga Indonesia di kawasan kebun kelapa sawit pada pukul 9 pagi kelmarin.

"Kalau iktikan masalah harimau mengganggu lembu ternakan kami bukan baharu, hampir 20 ekor sudah dibaham sejak 10 tahun lalu.

"Begitupun, sebelum ini serangan Pak Belang tersebut tidaklah terlahi kerap. Kali ini sudah dua ekor lembu mati dibaham dalam tempoh kurang dua bulan," katanya.

Seorang lagi penternak, Muhammad Razif Wadai, 30, mela berhadapan saat cemas terse-

rempak dengan harimau seberat kira-kira 100kg berkenaan pada Jumaat lalu.

Ceritanya, harimau yang sepatat parit berhampiran kandang lembu ternakan mereka sebelum masuk belukar berhampiran.

"Kami percaya harimau belang itu masih berkeliaran di kawasan

kebun kelapa sawit yang hanya terletak kira-kira 5 kilometer dari jalan besar berikutan penemuan tapak kakinya.

Kosmo! 10 Disember lalu melaporkan seekor haiwan belang mengganas membaham lebih 25 ekor lembu ternakan 30 penternak Felda Kerteh 4, Ketengah Jaya, Dungun.



KERATAN Kosmo! 10 Disember 2020.

Sumani berkata, seekor lagi lembu berusia dua tahun seberat kira-kira 30 kilogram (kg) pula dibaham harimau belang terbit pada awal pagi kelmarin.

Dia berkata, penemuan bangkai lembu tersebut yang cuma